

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 17 JUN 2014
SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang lambakan graduan jururawat daripada IPTAS yang sudah sekian lama menganggur, jika sedar berapakah bilangan graduan yang masih menganggur.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, latihan kejururawatan dikendalikan oleh Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Swasta (ILS). Melalui ILKKM, Kementerian telah melatih Jururawat bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mereka akan dilantik sebaik menamatkan pengajian. Manakala, bagi graduan jururawat dari IPTA dan ILS, mereka mempunyai pilihan untuk mendapatkan pekerjaan di mana-mana hospital swasta dan tidak semestinya berkhidmat di KKM, memandangkan KKM mempunyai bekalan yang berterusan daripada ILKKM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KKM telah melantik seramai 1,681 orang jururawat daripada kolej swasta pada tahun 2012, dan 1,432 pada tahun 2013 untuk berkhidmat di KKM. Bagi tahun 2014, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengkaji semula keperluan pengambilan Jururawat bagi mengisi kekosongan di fasiliti-fasiliti kesihatan di KKM untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Kerajaan sedar terdapat graduan jururawat daripada IPTA/IPTS yang masih tidak bekerja sebagai jururawat ini disebabkan mereka tidak diambil bekerja atau memilih untuk tidak bekerja sebagai jururawat. Jumlah pengeluaran jururawat KKM dari tahun 2011 hingga Mac 2014 adalah seramai 8,843 orang, IPTA 1,917 orang dan dari Institusi swasta yang mempunyai hospital, graduan akan terus diserap untuk bertugas di premis tersebut dengan anggaran seramai 5,180 orang.

Hanya mereka dari IPTS yang tidak mempunyai hospital akan berada di pasaran iaitu seramai 28,022 orang. Dari jumlah ini, terdapat juga jururawat yang telah diambil bekerja oleh pihak KKM, Pusat-Pusat kesihatan swasta seperti Pusat hemodialisis, kilang-kilang sebagai Jururawat Industri atau di Kementerian Kebajikan Masyarakat seluruh negara. Selain itu, terdapat juga mereka yang berkerja di luar negara dengan anggaran seramai 500 orang setahun.

Usaha kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada graduan jururawat swasta adalah seperti berikut:

- 1) Kerajaan Malaysia melalui Program SL1M (Skim Latihan Satu Malaysia) di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) telah memperluaskan skop pelaksanaannya kepada graduan Diploma Kejururawatan lepasan IPTS. Program SL1M adalah bagi meningkatkan kebolehpasaran atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dan menggalakkan majikan menyerap terus graduan ini di premis masing-masing. Sehingga kini, seramai 4,757 orang sedang mengikuti program tersebut di hospital dan fasiliti kesihatan swasta diseluruh negara;
- 2) KKM juga telah mendapatkan kerjasama pihak Persatuan dan Pengendali Jagaan Kemudahan Kesihatan Swasta supaya mereka mengambil graduan jururawat dari kolej swasta tanpa meletakkan syarat “mesti mempunyai pengalaman bekerja terlebih dahulu”;
- 3) Lembaga Jururawat Malaysia juga sentiasa bekerjasama dengan agensi pekerjaan yang membekalkan tenaga kerja kejururawatan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di fasiliti kesihatan sektor swasta dan antarabangsa; dan
- 4) Pihak swasta juga digalakkan untuk mengambil peluang bagi menggunakan tenaga sumber manusia terlatih ini untuk memacu industri perkhidmatan kesihatan yang berpontensi untuk dimajukan seperti Jagaan perawatan di rumah (Home Care Nursing), Jagaan Paliatif, Jagaan postnatal ibu dan anak, Jagaan Perawatan Warga Emas, Jagaan perawatan penyakit kronik, Jagaan perawatan Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Pusat Haemodialysis.